

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(B)73

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP
YB ABIDIN BIN ISMAIL**

73. Apakah dapatan utama kajian kebolehlaksanaan projek terowong dasar laut Pulau Pinang yang telah siap sejak tahun 2020?
- (a) Sejauh manakah Kerajaan Negeri berpuas hati dengan dapatan kajian tersebut dan bersedia mendedahkannya kepada umum?
 - (b) Adakah kajian ini akan dilaksanakan semula dengan kos yang tinggi selepas ini?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

73. Berdasarkan hasil kajian Laporan Kebolehlaksanaan (FS), Projek Terowong Dasar Laut Pulau Pinang ini adalah selamat dilaksanakan kerana:

- i. Hasil Laporan Kajian Penyiasatan Tanah (SI) telah mengesahkan ianya selamat untuk dibina terowong dasar laut dengan kaedah *Tunnel Boring Method* (TBM);

- ii. Rekabentuk terowong dasar laut telah mengambil kira aspek keselamatan kebakaran berdasarkan garis panduan antarabangsa yang terkini; dan
- iii. Kaedah TBM ini merupakan kaedah pembinaan yang akan memberi impak yang paling minima ke atas alam sekitar semasa peringkat pembinaan kelak.

(a) Sehubungan itu, berdasarkan laporan tersebut Kerajaan Negeri optimis dengan kebolehlaksanaan projek ini. Namun begitu, hasil laporan ini masih dalam pertimbangan memandangkan projek ini masih dalam fasa perancangan dan ianya memerlukan beberapa perkara lagi untuk dimuktamadkan.

(b) Kerajaan Negeri bersama pihak pemegang taruh masih dalam proses rundingan dan pertimbangan mengenai hala tuju projek ini, ekoran daripada pemuktamadan Pelan Induk Pembesaran Pelabuhan Pulau Pinang. Oleh kerana terdapat pertindihan jajaran dengan pembesaran masa depan pelabuhan, jajaran baharu adalah diperlukan. Dalam pada itu, Kerajaan Negeri juga mempertimbangkan cadangan perubahan reka bentuk daripada terowong kepada jambatan atas faktor kos dan kelebihan

lain seperti kemampuan untuk menampung semua jenis kendaraan serta penyelenggaraan masa depan. Walau bagaimana pun, cadangan ini masih di peringkat awal dan kajian lanjutan sedang dilaksanakan.